

KAJIAN KEMUNGKINAN PENUBUHAN PERMODALAN BAITULMAL KEBANGSAAN (*Feasibility Study on The Establishment of National Baitul Mal*)

Ahmad Che Yaacob^{a*}, Kamaruzaman Yusoff^b, Azizah Daut^c, Normah Ismail^c, Syed Mazlan Syed Mat Dom^c,
Noraini Ismail^c, Kamal Fahrulrazy Rahim^c, Khadijah Yahya^c, Mohd Ali Muhamad Don^c

^{ab}*Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia*

^c*Pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor*

^{*}*Corresponding author: ahmadcy@utm.my*

Abstrak

Saranan penubuhan sebuah entiti Baitulmal di peringkat persekutuan telah lama dibincangkan dalam pelbagai seminar dan dibahas oleh ramai pengkaji. Namun, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri menyebabkan kewujudan sebuah entiti Baitulmal kebangsaan dianggap sebagai mustahil. Pun begitu, usaha berterusan terus digembeling bagi mendapatkan sokongan dan dokongan dari semua pihak termasuklah pihak berkuasa negeri yang mengurus agama Islam. Untuk tujuan tersebut, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan pada tahun 2009. Ia seolah memberikan mandat baru terhadap usaha bagi merealisasikan hasrat penubuhan sebuah entiti Baitulmal di peringkat persekutuan. Bagi tujuan tersebut, sebuah kumpulan penyelidik telah ditubuhkan untuk membuat kajian kemungkinan bagi menubuhkan Baitulmal Kebangsaan. Kajian telah dijalankan dengan melakukan lawatan kerja penyelidikan ke-15 buah agensi kerajaan, syarikat korporat, Pejabat Mufti dan Majlis Agama Islam terpilih. Hasil penyelidikan tersebut, kajian telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Permodalan Baitulmal Kebangsaan yang inovatif dan kreatif serta berbeza dari baitulmal sediaada di negeri-negeri di Malaysia. Hasil kajian kemudian telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal peringkat kebangsaan pada tahun 2010 di bawah penyeliaan JAWHAR. Keputusan dari perbincangan mendapati cadangan tersebut telah diterima baik oleh Jawatankuasa Teknikal dan mencadangkan ianya perlu dilaksanakan. Tulisan ini cuba menyingkap kembali hasil kajian tersebut dalam usaha menilai kembali keperluan penubuhan entiti baru baitulmal.

Kata kunci: Baitulmal, Pelaburan, Harta, Kewangan Islam, Majlis Agama Islam

Abstract

A feasibility study for the creation of national entity of baitulmal was carried out and presented to a National Technical Committee at Jabatan Wakaf Zakat dan Haji of Prime Minister Department in 2010. The study was carried out as by visiting 15 government agencies, corporate institutions, the Muftis as well as selected Majlis Agama Islam negeri. During the visit the research team has presented a proposal for creation of national entity for baitulmal and conducted an interviews and survey to obtain their views. The result shown that all the respondents have agreed with the proposal to set up a National Investment of Baitulmal. This paper aims to elucidate the importance of creating this entity.

Keywords: Baitulmal, Investment, Property, Islamic Finance, State Religious Bodies

1.0 Pendahuluan

Sejarah Islam membuktikan institusi baitulmal pernah berperanan penting dalam mengerakkan sosio ekonomi umat Islam. Semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, institusi tersebut telah berjaya mengatasi masalah kemiskinan sehingga tiada yang mahu menerima bantuan zakat (Radieah Mohd Nor: 2015).

Pada 24 Jun 2009 di YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah berucap merasmikan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan. Dalam ucapannya, YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyarankan penubuhan sebuah entiti baitulmal di peringkat kebangsaan yang jelas, kreatif dan tidak bersaing dengan baitulmal negeri sedia ada. Bagi merealisasikan hasrat murni YAB Perdana Menteri ini, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah melantik satu pasukan penyelidik dari Universiti Teknologi MARA. Tim penyelidik ini telah mengadakan lawatan kerja penyelidikan ke syarikat-syarikat korporat, Pejabat Mufti, Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan beberapa agensi kerajaan terpilih yang berkaitan. Hasil dari kajian tersebut telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR pada 2010. Namun sehingga kini, cadangan penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan tersebut masih belum terlaksana. Oleh itu, tulisan ini berhasrat untuk membongkar kembali saranan-saranan dari kajian tersebut dan mengemukakannya kepada umum untuk dinilai semula apakah wujud keperluan bagi penubuhannya.

Bagi merealisasikan hasrat yang telah disarankan oleh YAB Perdana Menteri tersebut, pihak Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menawarkan kerja penyelidikan kepada sebuah kumpulan penyelidik. Objektif utama penyelidikan adalah untuk mengkaji keperluan penubuhan sebuah entiti baitulmal di peringkat kebangsaan. Kumpulan penyelidik adalah terdiri dari para pensyarah yang memiliki kelulusan dan kepakaran yang pelbagai. Kajian ini telah diketuai oleh Prof Madya Dr. Ahmad bin Che Yaacob, pensyarah Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS) dan Koordinator Kampus Universiti Teknologi MARA Kampus Bandaraya Johor Bahru. Ahli penyelidik pula terdiri dari Dr. Azizah Daut, pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Dr. Normah Ismail, pensyarah Akademi Bahasa, Tuan Syed Mazlan Syed Mat Dom, pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Puan Noraini Ismail, pensyarah undang-undang, Kamal Fahrulrazy Rahim, pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Cik Khadijah Yahya, pensyarah Fakulti Perakaunan dan Ustaz Mohd Ali Muhamad Don, pensyarah ACIS.

2.0 Objektif Penyelidikan

Objektif yang diharapkan dari penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti isu dan keperluan undang-undang berkaitan penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan (PBK);
- b) Mengenalpasti kelemahan dan kekuatan serta potensi pembangunan institusi baitulmal negeri-negeri sediada;
- c) Mengkaji pelaksanaan model permodalan patuh syariah yang berjaya di dalam dan di luar negara untuk diadaptasikan;
- d) Merangka dan mengemukakan pelan tindakan penubuhan PBK termasuk menyediakan dokumen asas penubuhan, struktur pentadbiran dan pengurusan PBK; dan
- e) Mewujudkan PBK yang bertindak sebagai pengurus dana berbentuk permodalan berasaskan model yang telah berjaya seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Kajian tersebut dibuat berasaskan kepada saranan YAB Perdana Menteri sebagaimana ucapan beliau di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009 (Prosiding Konvensyen Baitulmal 2009) *“Justeru itu, saya ingin mengesyorkan semoga cendekiawan Islam menyumbang tenaga dan ilmu mereka dalam melakukan penyelidikan dalam penerokaan sumber-sumber Baitulmal yang baru dan kontemporari supaya dana Baitulmal dapat diperkasakan lagi. Ini biarlah seiring dengan Model Ekonomi Baru yang menuntut kepada kreativiti, inovasi dan nilai tinggi”*.

Kajian tersebut juga berpaksikan kepada seruan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa uapptama penutup pada konvensyen yang sama iaitu (Prosiding Konvensyen Baitulmal 2009) "*Kita perlu menganjak daripada sekadar berlegar di alam Circle of Concerns kepada membesarkan Circle of Influences kita. Sehubungan itu, Baitulmal yang memikul amanah menguruskan harta dalam kedua-dua bentuk 'haqqullah' (hak Allah) dan 'haqqulummah' (hak ummah) perlu meningkatkan lagi keberkesanan mereka berdasarkan pedoman yang telah digariskan oleh Khalifah Umar Al-Khatab menerusi tiga dimensi 'itqan' iaitu diterima dengan hak, diberi kepada yang berhak dan dihindari atau disekat penyelewengan terhadapnya.*"

Kajian ini juga berasaskan kertas kerja cadangan penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan (PBK) yang telah dibentangkan oleh Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR (Sohaimi: 2009), dalam Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Cadangan beliau ini telah dibahaskan oleh para peserta Konvensyen dan telah dipersetujui dijadikan sebagai salah satu resolusi Konvensyen tersebut.

Justeru fokus kajian tersebut menjurus kepada usaha pemurnian dan penambahbaikan untuk memastikan baitulmal kekal relevan yang mana, fungsi dan modus operandi institusi baitulmal perlu seiring dengan keperluan zaman dan situasi.

Selanjutnya, kajian tersebut telah mengemukakan satu model strategik iaitu penubuhan PBK. Ia bagi mencapai hasrat mewujudkan baitulmal berskala besar sebagai pemegang amanah kepada khazanah umat Islam. Ianya juga dilihat sebagai nilai tambah (*added value*) kepada fungsi baitulmal negeri sedia ada dengan memfokuskan kepada penggemblengan dana, perluasan jaringan penglibatan dan penghasilan manfaat berimpak besar.

Kajian tersebut juga memperincikan penubuhan PBK sebagai suatu usaha yang baik untuk mengembelengkan sumber dana daripada gagasan aset-aset wakaf, zakat dan mal umat Islam secara bersepadu dan sistematik. Dengan adanya PBK, pelabur Islam mempunyai lebih banyak pilihan untuk menjana pendapatan selain dari bank, institusi pelaburan terpilih, Lembaga Tabung Haji (LTH), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan lain-lain institusi yang boleh memberikan pulangan.

Pendapatan PBK adalah termasuk sumber yang diputuskan oleh kerajaan melalui ijtihad dan *maslahah* atau kebaikan umat Islam. Ia adalah langkah positif bagi memastikan golongan miskin dapat dibantu dengan sumber kewangan yang lebih kukuh pada peringkat kebangsaan dengan sinergi dan mengoptimumkan simpanan aset-aset kewangan Islam.

PBK juga bakal melahirkan lebih ramai umat Islam yang celik pengurusan dana serta instrumen kewangan seperti ekuiti, sukuk dan unit amanah, pengurusan hartanah dan fasiliti, pengurusan sewaan, REITs, pembiayaan bercagaran aset, pengambilalihan serta pengurusan projek, usaha sama (JV) dan pembangunan aset-aset ummah.

Penubuhan PBK juga akan meningkatkan jalinan hubungan baik serta memupuk perpaduan ummah secara menyeluruh. Jalinan dan hubungan baik tersebut dapat dibentuk menerusi penggemblengan dana agensi-agensi serta umat Islam di seluruh negara untuk diuruskan secara bersepadu seterusnya menyumbang kembali kekayaan secara lebih saksama.

Di samping itu, penubuhan PBK ini juga dijangka akan dapat menaikkan imej agama Islam sebagai sebuah agama syumul yang menyeru umat manusia supaya bersikap progresif dan berdaya maju.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian telah dimulakan dengan pembentangan kertas cadangan perundingan kepada JAWHAR untuk kelulusan. Sebelum itu, satu kajian rintis (pilot study) telah dibuat di PNB bagi mendapatkan maklumat asas kajian. Setelah mendapat kelulusan JAWHAR, satu bengkel instrumen kajian telah diadakan bersama Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk menjelaskan objektif, bentuk dan keperluan kajian serta menerangkan isu-isu yang terdapat dalam borang soal selidik kajian.

Sebanyak 15 institusi telah dipilih. Lawatan kerja penyelidikan telah dibuat di tiga MAIN yang merupakan penyumbang terbesar kepada kutipan zakat negara, iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor. Manakala, agensi dan syarikat korporat lain dipilih berdasarkan kerjasama jitu dan khidmat nasihat profesional untuk penubuhan PBK. telah dilawati dan mereka adalah seperti berikut:

- i) Pejabat Mufti Negeri Selangor
- ii) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- iii) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- iv) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- v) Pejabat Mufti Negeri Johor
- vi) Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)
- vii) Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- viii) Lembaga Tabung Haji (LTH)
- ix) Jabatan Peguam Negara (JPN)
- x) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- xi) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- xii) Suruhanjaya Sekuriti (SC)
- xiii) Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)
- xiv) Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), dan
- xv) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

4.0 Dapatan Kajian

Menerusi kajian di lapangan yang telah dilaksanakan, secara umumnya para responden telah memberi respons positif dan mengalu-alukan cadangan penubuhan PBK (Laporan Perundingan Kajian Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan, 2010) Di antaranya ialah:

- (a) **YBhg. S.S. Datuk Haji Wan Zahidi Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan** telah menyatakan persetujuan terhadap penubuhan PBK dengan mengutamakan hak golongan fakir dan miskin;
- (b) **YBhg. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Mufti Negeri Selangor** mendapati konsep penubuhan PBK tidak akan bersaing dengan baitulmal negeri malah sebagai pelengkap kepada peranan yang telah dilaksanakan oleh MAIN;
- (c) **Y.B. S.S. Dato' Hj. M. Tahrir bin Dato' Kiyai Hj. Samsudin, Mufti Negeri Johor** menyatakan PBK yang ingin ditubuhkan ini akan dapat menggembleg usaha untuk menjadi medan dakwah *bil-hal*;
- (d) **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB** berpandangan positif dengan cadangan penubuhan PBK di mana ia boleh berjaya dengan menekankan aspek pengurusan efektif merangkumi cara dana dikumpul dan diuruskan;
- (e) **YBhg. Datuk Nik Mustapha bin Nik Hassan, Ketua Pengarah IKIM** mencadangkan PBK sebagai sebuah entiti kebangsaan perlu mewujudkan sebuah jawatankuasa di peringkat kebangsaan bagi tujuan itu;
- (f) **Tuan Haji Abd Rashid bin Hussein, Pengurus Besar Bahagian Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH)** melihat penubuhan PBK sebagai satu usaha untuk menambah lagi dana dan mengembangkan saiz pelaburan orang Islam dan bukan sebagai pesaing kepada potensi pelaburan PNB atau LTH;

- (g) **Y.A.D. Dato' Setia Hj. Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS** mencadangkan PBK diuruskan oleh orang Islam yang pakar dalam bidang pelaburan dan pentadbirannya;
- (h) **Tuan Haji Ismail Porjo, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, MAIWP** pula berpendapat PBK boleh memainkan peranan dalam menonjolkan imej fardu kifayah pada orang bukan Muslim contohnya, membangunkan hospital;
- (i) **YBhg. Abang Haji Sibli, Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)** mencadangkan supaya PBK terlibat dalam bidang saham amanah yang boleh memperkasakan ekonomi ummah; dan
- (j) **Dr. Md Nurdin Ngadimon, Senior Specialist (Syariah), Suruhanjaya Sekuriti (SC)** mencadangkan agar PBK menceburi bidang REITs secara kerjasama dengan MAIN. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat pelbagai jenis pelaburan lain yang boleh diceburi oleh PMB dan berpotensi untuk berdaya maju seperti *Wholesale Fund* dan Sukuk, selain daripada amanah saham.


Kajian soal selidik terhadap 91 responden pula mendapati peratusan responden yang menyokong dan positif terhadap cadangan penubuhan PBK adalah tinggi. Kajian juga telah mengenal pasti faktor-faktor kritikal penubuhan PBK seperti keperluan perundangan, kumpulan pelabur, sumber dan penggunaan dana PBK, kerjasama MAIN dan penerimaan masyarakat.

Faktor-faktor positif yang menyokong penubuhan PBK adalah berkaitan dengan sokongan terhadap PBK, PBK menyokong kerajaan untuk jadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam, jumlah dan jenis dana yang diperlukan, meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah, mendapat sambutan umat Islam dan produk patuh syariah. Manakala faktor-faktor yang perlu diambil perhatian dalam penubuhan PBK ini adalah seperti keyakinan masyarakat, entiti yang berbeza dan tidak bersaing dengan baitulmal negeri, keperluan mendapatkan dana dari Majlis Agama Islam negeri-negeri, kewujudan akta tersendiri, tadbir urus baitulmal semasa dan kelebihan produk PBK berbanding pesaing.

Laporan hasil kajian ini telah dibentangkan pada Mei 2010 kepada Pengurusan Tertinggi JAWHAR serta ahli Jawatankuasa Khas (Teknikal) Pembentukan Entiti Baitulmal Kebangsaan yang diluluskan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Senarai Ahli Jawatankuasa Khas Pembentukan Entiti Baitulmal Kebangsaan tersebut terdiri daripada:

- i. YBhg. Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR selaku Pengerusi Jawatankuasa;
- ii. YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- iii. YBhg. Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Presiden / Ketua Eksekutif, Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB);
- iv. YBhg. Dato' Dr. Adnan Alias, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM);
- v. YBhg. Puan Eshah Meor Suleiman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastaaan, Kementerian Kewangan (MOF);
- vi. YBhg. Tn. Hj. Mahamad Naser Disa, Timbalan Ketua Bahagian Penyelidikan (Syariah), Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara Malaysia (JPN);
- vii. YBhg. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood, Pensyarah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM); dan
- viii. Tuan Haji Hasan Hafizi bin Hanapi, Pengarah Bahagian Mal, JAWHAR selaku Setiausaha Jawatankuasa.

Carta 1: Cadangan Modus Operandi PBK



Sumber: Ahmad Che Yaacob, et.al. Laporan Perundingan Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan 2010.

Jawatankuasa Teknikal telah memperakukan kepentingan menubuhkan Permodalan Baitulmal Kebangsaan dengan akronim yang bersesuaian. Seterusnya mencadangkan supaya ia dibawa ke peringkat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Hasil dari kajian menunjukkan penubuhan PBK mendapat sokongan padu daripada responden. PBK disyorkan agar ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dikawal selia secara terus oleh Jabatan Perdana Menteri. Yayasan Permodalan Mal (YPM) dan Lembaga Pemegang Amanahnya akan ditubuhkan di bawah jawatan kuasa kerja yang perlu diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memantau operasi PBK.

Modal permulaan sebanyak RM1 bilion adalah dicadangkan disuntik oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penubuhan, pelaburan dan pengembangan dana PBK. Konsep tabungan dan pelaburan berasaskan model LTH dan PNB diguna pakai sebagai modus operandi dalam membangunkan produk-produk PBK. Antara produk yang dikenal pasti ialah dana *tabarru'*, deposit dan unit saham amanah.

Melalui konsep *tabarru'* (kebajikan) wang yang didermakan daripada pelbagai punca akan dilabur dan diagihkan kepada pihak yang memerlukan. Keuntungan daripada dana *tabarru'* pula tidak akan diagihkan kepada pihak pelabur sebaliknya akan dimasukkan kembali ke dalam dana *tabarru'*. Dengan cara ini, bantuan derma yang diberikan adalah berterusan dan banyak pihak mendapat manfaat daripadanya, berbeza dengan amalan sedekah biasa yang terhad dan tidak berpanjangan. Dana *tabarru'* ini akan beroperasi di cawangan-cawangan melalui kaedah *smart partnership* dengan institusi-institusi yang dikenalpasti di seluruh negara. Dengan pengenalan produk ini juga PBK bakal menjadi perintis kepada amalan *tabarru'* kontemporari yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Usaha ini dilaksanakan dengan *nawaitu* bagi menyepadukan (*synergize*) dan memoptimumkan (*optimize*) aset serta dana umat Islam. Tarikan utama untuk mempromosikan produk PBK kepada masyarakat Islam ialah dengan memperkenalkan konsep ganjaran dunia dan akhirat. Hasil kajian ini juga mendapati kejayaan PBK bergantung kepada sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Majlis-majlis Agama Islam Negeri dan ummah keseluruhannya.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penubuhan PBK akan memberi impak yang besar dalam usaha Kerajaan untuk memperkasa sistem kewangan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai satu-satunya negara di dunia yang mempunyai sebuah sistem kewangan Islam yang lengkap dan menyeluruh (*Comprehensive Islamic Financial System*).

Senario sedia ada di Malaysia menunjukkan bahawa komponen perbankan Islam, institusi kewangan Islam bukan perbankan, pasaran kewangan Islam dan pasaran modal Islam perlu menyalurkan zakat perniagaan serta dana-dana umat Islam yang lain kepada baitulmal. Bagaimanapun, oleh kerana agensi-agensi tersebut kebanyakannya beribu pejabat di Lembah Klang, maka kekayaan tersebut tidak dapat diagihkan secara saksama ke seluruh negara. Sehubungan itu, PBK akan bertindak sebagai perantara yang dapat menyalurkan kekayaan komponen-komponen tersebut kepada seluruh baitulmal di Malaysia sekaligus membantu mengeluarkan umat Islam dari kepompong kemiskinan.

Kajian berpendapat, PBK boleh menjadi wasilah atau platform yang terbaik bagi menggerakkan usaha penggandaan dana umat Islam. PBK boleh menggabungkan dana daripada pelbagai sumber seperti zakat, wakaf, sedekah, wang syubhah dan sebagainya untuk dikembangkan dalam bentuk pelaburan dan perniagaan berskala besar. Hasil keuntungan daripada pelaburan tersebut akan dikembalikan kepada para pelabur dan ummah.

Malah, apabila ditubuhkan nanti, PBK akan menjadi pelengkap kepada sistem kewangan dan ekonomi Islam. Ia juga bakal menjadi institusi pertama di dunia yang dapat menggabungkan dan menyempurnakan sistem perekonomian Islam yang syumul dari aspek Perbankan Islam, Pasaran Modal Islam, Institusi Bukan Perbankan iaitu Zakat dan Wakaf dan Institusi Baitulmal. Dengan ini hasrat Malaysia untuk menjadi peneraju kepada hub halal dan hub kewangan Islam akan dapat dicapai. Ia juga dapat memacu ekonomi ummah ke arah pembentukan Model Ekonomi Baru (MEB) Malaysia sekali gus membantu masyarakat mengecap pendapatan tinggi.

Dengan ini, PBK dilihat sebagai suatu dakwah yang berkesan (*dakwah bil hal*) bagi memahami maksud ajaran Islam yang amat menganjurkan pendapatan berlipat ganda dari hasil usaha yang baik. Ini sebagaimana bandingan ganjaran pahala sedekah yang digambarkan oleh Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Maha Meliputi ilmu pengetahuan-Nya”.

(Surah al-Baqarah: 261)

Penubuhan PBK juga adalah selaras dengan kehendak firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisa', ayat 29 dan surah al-Jumu'ah, ayat 10 yang menggalakkan umat Islam supaya terlibat dalam bidang perniagaan serta tidak hanya menumpukan perhatian kepada ibadah khusus sahaja. Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan **jalan perniagaan** yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah S.W.T. sentiasa mengasihi kamu”.*

(Surah al-Nisa': 29)

Ini ditegaskan lagi oleh firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah S.W.T., serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan) sampai kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)”.

(Surah al-Jumu'ah: 10)

Ini dikuatkan lagi dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang bererti:

“Sembilan persepuluh sumber rezeki (boleh diperoleh) melalui perniagaan”.

(Hadis Riwayat Imam al-Tirmizi)

Dari sudut yang lain kajian mendapati Rizab LTH meningkat pada setiap tahun. Begitu juga terdapat peningkatan jumlah tabungan di LTH dari RM293 juta pada 2014 kepada RM593 juta pada 2015 (Lembaga Tabung Haji: 2016). Ini menjelaskan terdapat peningkatan pemilikan dana dan tabungan umat Islam di Malaysia.

Hal yang sama turut terjadi kepada kutipan zakat di Malaysia. Di mana terdapat peningkatan dari segi kutipan zakat pada setiap tahun. Pada tahun 2014, kutipan zakat adalah berjumlah RM2.45 bilion berbanding pada 2013 RM2.26 billion dan RM1.92 bilion pada 2012. (Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, JAWHAR, 2016). Kemanakah aset wang zakat berjumlah jutaan ringgit setiap bulan disimpan? Kebiasaannya hanya disimpan dalam bentuk simpanan bank sahaja. Terdapat juga lebihan zakat yang tidak dapat dihabiskan pada setiap tahun dan malahan terdapat kecenderungan supaya pihak Majlis Agama Islam Negeri melakukan pelaburan kepada wang zakat. Apa yang akan terjadi sekiranya berlaku krisis ekonomi yang teruk sehingga menyebabkan kutipan zakat berkurangan dan bilangan mereka yang miskin bertambah? Pasti Pusat Zakat memerlukan kepada Rizab dan menyediakan bekalan sebelum terjadi krisis. Dengan mengambil semangat dari kisah Nabi Yusuf a.s. yang telah berjaya menyelamatkan ekonomi negeri Mesir kerana baginda telah menyiapkan bekalan Rizab yang mencukupi sehingga 7 tahun.

Melihat kepada amalan sediaada dimana wang lebihan zakat yang biasanya disimpan di bank yang hanya memberikan pulangan sekitar 3% ia tidaklah baik kepada pertumbuhan kewangan Islam. Oleh itu dengan wujudnya Permodalan Baitulmal Kebangsaan ia mampu menerima deposit dari Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan seterusnya melakukan usaha pelaburan dalam sektor fardhu kifayah umat Islam. Dengan cara ini nasib dan survival umat Islam akan lebih terjamin.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua responden yang terlibat. Tiada pihak yang tidak bersetuju dengan penubuhan PBK. Bahkan daripada maklum balas yang diperolehi, penubuhannya perlu diwujudkan dengan segera. Penyelidik berkeyakinan bahawa dengan penubuhan PBK, institusi baitulmal sedia ada di Malaysia mampu dijana kembali untuk mengurus harta milik umat Islam dengan lebih cekap dan berkesan. Seterusnya, dengan usaha-usaha bersepadu dan berterusan di kalangan cerdik pandai Islam, ahli korporat, agensi kerajaan dan pihak industri, umat Islam pasti mampu mengulangi kembali sejarah kegemilangan dan seterusnya menjadi model kepada negara-negara Islam yang lain. Benarlah firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.....”

(Surah al-Ra’d: 11)

RUJUKAN

- Abdul Halim Ramli, Ahmad Che Yaacob (2005). *Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam.
- Ahmad Che Yaacob et. al, (2007). *The Roles of Baitulmal in Malaysia Toward Implementing Business Fund Scheme*, Tidak Diterbitkan, Laporan Kajian IRPA, UiTM MOSTI.
- Ahmad Che Yaacob, et.al., (2010). *Kajian Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan 2010*, Tidak Diterbitkan. Laporan Perundingan untuk Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia.
- Dayang Hummida binti Abang Abdul Rahman, (2012). “The Role of Baitulmal toward the Education of Poor Muslims in Sarawak”, *Journal of Contemporary Issues and Thought*, Vol. 2, P. 69-81
- Hasnan Kasan, et al., (2013). “Impact of Poverty on Quality of Health Among the Recipients of Baitulmal Aids”, *World Applied Sciences Journal*. Vol. 24, NO. 6.
- Lembaga Tabung Haji, (2016). Sidang Media Bonus Pendeposit Tabung Haji 2015. 4 Februari 2016.
- Radieh Mohd Nor, (2015). “Success Factors for Baitulmal Management during the Reign of Caliph Umar ibn Abdul Aziz”, *Open Journal of Social Sciences*, Vol. 3, No. 5.
- Najib Tun Razak, (2009). *100 Hari Mendepani Cabaran*. Jabatan Penerangan Negara, Kuala Lumpur.
- Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009. *Baitulmal: Masihkah Relevan?* 24 Jun 2009, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia.
- Sohaimi Hj. Mohd Salleh, (2009). “Permodalan Baitulmal Kebangsaan: Satu Penerokaan Demi Kemaslahatan Sosio-ekonomi Ummah”, *Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009*, 24 – 25 Jun 2009, Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Zakariah Abdul Rashid, (2001). “Ke arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan”. *Seminar ke arah pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.